

# **PENDEKATAN TERAPI *SAND PLAY* DALAM MENANGANI MASALAH PERGAULAN SOSIAL KANAK-KANAK: SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH KEBANGSAAN MOYAN LAUT ASAJAYA, SARAWAK**

**Zuliza Abu Samah**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
(Email: [abusamahzuliza@gmail.com](mailto:abusamahzuliza@gmail.com))

**Salleh Amat**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**Received date:** xx-xx-xxxx

**Revised date:** xx-xx-xxxx

**Accepted date:** xx-xx-xxxx

**Published date:** xx-xx-xxxx

**To cite this document:** Zuliza & Salleh (2019). Pendekatan terapi *sand play* dalam menangani masalah pergaulan sosial kanak-kanak: satu kajian kes di Sekolah Kebangsaan Moyan Laut Asajaya, Sarawak. *International Journal of Supply Chain, Operation Management and Logistic*, x(xx), xx-xx.

---

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk meneroka pengalaman kaunselor yang menggunakan modul sand play dalam pengendalian permasalahan pergaulan sosial kanak-kanak murid Sekolah Kebangsaan Moyan Laut Asajaya, Sarawak. Kaunselor menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dalam melaksanakan kajian ini. Klien dalam kajian ini merupakan seorang murid kanak-kanak perempuan dari Tahun 4 yang dipilih mengikut kerelaan murid itu sendiri dan dia menghadapi masalah pergaulan sosial. Data diperolehi melalui pemerhatian, penggunaan sand play, laporan sesi kaunseling dan temu bual klien yang dirakamkan dalam tiga sesi kaunseling. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan. Data yang diperolehi diproses dan telah dianalisis berdasarkan perkembangan yang berlaku sepanjang proses sesi kaunseling yang menggunakan pendekatan terapi sand play. Kajian menunjukkan klien telah berjaya mengurangkan rasa takut terhadap proses kaunseling, meningkatkan tahap kepercayaan dan memudahkan proses sesi kaunseling contohnya pada awal sesi kaunseling ini klien berasa takut terhadap masalah pergaulannya dengan kanak-kanak yang lain dan segan dengan kaunselor. Namun, setelah melalui sesi kaunseling yang menggunakan pendekatan terapi sand play, klien lebih yakin dengan dirinya sendiri.

---

**Kata kunci:** *Sand Play, Kanak-Kanak, Kaunseling*

---

## **Pengenalan**

Bermain merupakan keperluan dan asas dalam dunia kanak-kanak. Fungsi bermain bukan sahaja boleh memberikan keseronokan tetapi lebih kepada kepuasan kanak-kanak. Secara asasnya, bermain perlu untuk perkembangan fizikal, emosi, mental dan sosial kanak-kanak. Oleh itu, alam sekolah rendah merupakan alam kedua untuk kanak-kanak bersekolah sekiranya mereka pernah memasuki prasekolah (Adams 2008). Bermain merupakan pendedahan awal kanak-kanak dalam aspek sosial (Jackson 2010). Pada peringkat ini, kanak-kanak lebih suka kepada pembelajaran yang bersifat aktiviti dan permainan berbanding dengan teori (Reece 2004). Namun, bukan semua kanak-kanak dapat bergaul dan berhubung

secara baik dengan kawan-kawan mereka. Terdapat kanak-kanak yang berkelakuan negatif apabila berinteraksi dengan orang lain (Carey 2008). Oleh itu, pergaulan kanak-kanak dengan ahli keluarga dan juga rakan sebaya akan mempengaruhi aspek sosial, emosi dan personaliti kanak-kanak sehingga mereka dewasa kelak. Dalam hal ini, peranan ibu bapa amat penting dalam membimbing, menyokong dan menggalakkan anak-anak semasa mereka kecil berkembang menjadi individu yang positif dan berupaya untuk membuat pilihan terbaik dalam hidupnya.

## **Sorotan Kajian Terapi Bermain**

Dalam kajian yang dilakukan oleh Fairview Counseling (2007) menjelaskan terapi bermain merujuk kepada kaedah rawatan di mana setiap satu rawatan mengaplikasikan kebaikan daripada alat mainan. Landreth (2012) pula menjelaskan bahawa terapi bermain merupakan satu hubungan interpersonal di antara seorang kanak-kanak dengan ahli terapi yang dilatih dalam prosedur terapi bermain.

Ahli terapi tersebut berperanan membekalkan alat mainan terpilih di samping memudahkan perkembangan hubungan yang selamat untuk membolehkan seseorang kanak-kanak meluahkan sepenuhnya serta meninjau tentang dirinya melalui aktiviti bermain (James 2008; Landreth 2012). Hal ini kerana aktiviti bermain merupakan media semula jadi bagi kanak-kanak untuk berkomunikasi ke arah pertumbuhan dan perkembangan optimum.

Menurut Thampson (2004) dan (Choon 2010) dalam kajian mereka mendapati terapi bermain dapat memberikan kanak-kanak peluang untuk membuat pilihan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain, membolehkan mereka melahirkan perasaan tidak sedar berdasarkan fantasi dan membekalkan tempat yang selamat bagi mereka meluahkan perasaan, memperoleh, pemahaman mengenai situasi mereka untuk berubah.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh (Lynos 2006; Connor 2013) mendapati bahawa terapi bermain dapat menyediakan satu bidang intersubjektif bersama ahli terapi dapat membantu kanak-kanak mengekspresi perasaan, membuat perbincangan dan menghasilkan semula maksud dan nilai yang efektif yang penting untuk kanak-kanak dalam menyelesaikan sesuatu masalah menerusi pelbagai cara bermain.

Terapi bermain amat sesuai diaplikasikan terhadap kanak-kanak dan remaja yang berumur tiga sehingga enam belas tahun dan alat mainan dianggap sebagai perkataan kanak-kanak, sementara bermain dianggap sebagai bahasa kanak-kanak (Rye 2010; Forsyth 2011). Ringkasnya, terapi bermain menyediakan satu ruang terapeutik bagi mempromosikan perkembangan kompetensi kritikal dalam regulasi emosi untuk berkongsi serta perbincangan masalah yang dihadapi oleh klien dalam sesuatu hubungan sosial (O'Connor & Ammen 2013).

## **Terapi Sand Play**

Pendekatan *sand play* adalah berdasarkan psikologi Jung dan diperkenalkan pada tahun 1930-an oleh Frau Dora (1980). Sejarah *sand play* boleh diperoleh dalam penulisan Mitchell dan Friedman pada tahun 1994. Selain menerapkan psikologi ahli terapi *sand play* menganggap hasil mengguna pasir merupakan sesuatu yang harus dihormati (Amatruda & Simpson 1997).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Bradway dan McCoard (1997) pula mendefinisikan *sand play* sebagai sejenis pemikiran imaginatif yang aktif, tetapi imej yang digunakan *semasa sand play* adalah konkrit. Oleh itu, kuasa terapi bermain pasir dapat diperhati keberkesannya hasil gabungan antara pasir, air, miniatur dan kebebasan klien membentuk *sand play* dalam keadaan yang selamat, bersama dengan ahli terapi yang dipercayai.

Hasil kajian yang dijalankan oleh (Dale 2003; Zhou 2009) *sand play* merupakan satu teknik psikoterapeutik yang membolehkan klien menyusun miniatur dalam dulang pasir untuk menghasilkan satu dunia pasir berkaitan dengan pelbagai dimensi sosial klien. *Sand play* merupakan satu jenis terapi bermain dan aktiviti bermain inilah yang menyebabkannya sering digunakan dalam konteks sekolah (Campbell 2004; Forsyth 2011). Antara kebaikan penggunaan terapi *sand play* termasuklah mengurangkan percakapan yang sering digunakan oleh klien sebagai salah satu cara helah bela diri (Carey 2008).

Zhou (2009) juga menyokong penggunaan terapi *sand play* untuk mengatasi masalah sosial dan emosi kanak-kanak kerana terapi *sand play* adalah lebih generik dan dapat dipelbagaikan cara penyampaiannya secara berkesan berasaskan pelbagai perspektif teoritik seperti menggunakan pasir, patung, dulang pasir dan sebagainya.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Peridah (2009) mendapati penggunaan pendekatan *sand play* memudahkan proses penerokaan terhadap klien, khususnya melibatkan masalah pergaulan sosial. Manakala, dalam kajian Chiam (2010) pula mendapati antara keistimewaan utama penggunaan pendekatan terapi *sand play* termasuklah unsur simbolik, penggunaan deria secara maksimum, pengurangan mekanisme helah bela diri, pembentukan bagi menghubungkan zon bawah sedar dengan zon sedar serta dari bukan lisan kepada lisan.

Dalam kajian yang sama juga menunjukkan bahawa kanak-kanak dapat membuat penerokaan dengan lebih mudah, menunjukkan perubahan dari segi nilai dan sikap, serta memberi kesan yang positif kepada aspek-aspek yang berkaitan (Chiam 2010). Jesteru itu, pendekatan *sand play* menyebabkan seseorang bersikap terbuka dan berpeluang untuk menerangkan semula apa yang telah dilalui, secara verbal atau non-verbal (Cunningham 2014). Kelebihan terapi *sand play* menyebabkan kaunselor memilih terapi berkenaan sepanjang pelaksanaan sesi kaunseling dalam usaha membantu klien menyelesaikan masalah perhubungan sosial dengan rakan-rakannya di sekolah.

### **Metodologi Kajian**

Menerusi kajian yang dilakukan oleh Bratton, Ray dan Rhine (2010) menjelaskan bahawa penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Hal ini selari dengan kajian ini yang menggunakan pendekatan kualitatif analisis kandungan yang melihat teks perbualan dengan klien sebagai interpretasi makna secara dalaman dan subjektif.

Data kualitatif dalam kajian ini diperolehi melalui tiga sesi kaunseling yang dijalankan secara berasingan bersama dengan klien. Seorang klien sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Dalam kajian ini juga kaedah analisis kandungan kualitatif digunakan untuk meneliti pola kandungan maklumat klien kerana kaedah ini berupaya menghasilkan data yang meyakinkan.

Kaedah ini dipilih dalam mengenal pasti perubahan pola pemaparan kandungan maklumat dengan lebih cepat. Segala maklumat yang diperolehi dikategorikan mengikut kategori tertentu yang telah ditetapkan. Perkara ini disokong oleh Hsieh dan Shannon (2005) yang menjelaskan analisis kandungan merupakan satu kaedah penyelidikan untuk tafsiran subjektif kandungan data teks melalui proses klasifikasi sistematik .


### **Kaedah Pengumpulan Data Kualitatif**

Bagi kaedah pengumpulan data kualitatif kajian ini menggunakan analisis kandungan. Menurut Hsieh dan Shannon (2005), analisis kandungan merupakan satu kaedah penyelidikan untuk tafsiran subjektif kandungan data teks melalui proses klasifikasi sistematik. Analisis kandungan yang digunakan dalam kajian ini melibatkan alat-alat mainan dalam dulang pasir diteliti sebagai sumber data kajian ini. Kaunselor juga meneliti profil klien, lembaran kerja

aktiviti dan laporan-laporan sesi terapi lepas yang telah disiapkan sebelum meneruskan dengan sesi terapi.

### Teknik Menganalisis Data

**Rajah 1: Analisis Data Menggunakan Model ABC**



Kajian ini menggunakan model ABC yang menjelaskan bagaimana sesuatu personaliti terbentuk mengikut teori *Rational Emotive Behavioral Therapy (REBT)*. Menurut Wolfe (2007), seseorang kaunselor boleh merujuk model ini bagi memahami perasaan, pemikiran dan tingkah laku yang berkaitan dengan kliennya. A atau *activating event* adalah peristiwa yang mencetuskan C iaitu *emotional dan behavioural consequences* atau kesan dan akibat terhadap emosi dan tingkah laku. B adalah *belief* atau kepercayaan tentang A, yang menyebabkan C, iaitu kesan terhadap emosi. Perkara ini dapat dijelaskan melalui analisis masalah sosial yang dihadapi klien iaitu dua orang murid membencinya. Perkara ini sekadar tanggapan klien berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid tersebut.

Selepas mengenal pasti ABC, kaunselor perlu membantu kliennya dengan menggunakan model seterusnya iaitu DEF. D merujuk kepada *disputing event* iaitu perdebatan yang mencabar kepercayaan tidak rasional. Terdapat tiga komponen dalam D ini iaitu mengenal pasti, membahaskan dan membuat pembezaan. Langkah pertama, klien mengenal pasti kepercayaan rasionalnya.

Kemudian klien membahaskan kepercayaan tersebut dengan menyoal dirinya dan mempertikaikan kepercayaan tersebut. Akhirnya klien membezakan kepercayaan rasional dengan tidak rasional. Proses ini dipanggil penstrukturan kognitif. Selepas proses D, klien akhirnya sampai ke tahap E atau *effective philosophy* iaitu klien mempunyai kepercayaan baru yang menggantikan pemikiran tidak rasional. Sekiranya klien berjaya mempraktikan E di dalam dirinya maka lahirkan F atau *new feeling* iaitu perasaan baru terhadap peristiwa yang dialami. Klien memahami kesan negatif akibat ideanya yang tidak rasional.

Pada mulanya klien merasa takut sekiranya masalah yang diceritakannya akan dihebohkan dan segan dengan kaunselor yang baru dikenali. Namun, setelah melalui sesi kaunseling dengan menggunakan pendekatan terapi *sand play*, klien kelihatan lebih yakin dan

merasa lega setelah membuat perkongsian dengan kaunselor. Perkara ini seperti yang dijelaskan dalam model ABCDEF ditunjukkan pada Rajah 1. F yang merujuk kepada *feeling* atau perasaan tidak ditunjukkan dalam model di bawah kerana ianya adalah kesan daripada E yang sudah pasti ada apabila wujudnya E *effective new belief*. Oleh itu, kaunselor berperanan medidik klien mengenal diri sendiri dengan mengenali kepercayaan-kepercayaan tidak rasional dalam diri klien dan menggalakkan klien menukar kepercayaan tersebut kepada rasional.

### **Dapatan Kajian**

Klien berumur 10 tahun, perempuan dan bersekolah di Sekolah Kebangsaan Moyan Laut di daerah Asajaya, Sarawak. Semasa sesi kaunseling, klien dilihat begitu aktif dalam menceritakan masalahnya dan ingin sekali mendapatkan jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapinya.

### **Dapatan Sesi**

#### ***Sesi 1***

Dalam sesi pertama ini dapatan kajian menunjukkan klien mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi terhadap kaunselor. Oleh itu, kaunselor telah cuba memperbetulkan tanggapan yang salah klien terhadap perkhidmatan kaunseling. Pada awal sesi kaunseling, klien menganggap bahawa kaunselor akan memberi jawapan dan keputusan untuknya menghadapi masalah tersebut. Keadaan tersebut membuatkan klien sedikit termenung tetapi tidak mengurangkan tahap kepercayaannya terhadap kaunselor. Keadaan klien yang kelihatan aktif bercerita dengan kaunselor menggunakan kemahiran dorongan minimum, parafrasa, empati dan meminta penjelasan. Hubungan kaunselor dan klien yang telah pun terbina di dalam sesi bagi membantu mengenali diri klien dengan lebih mendalam.

Alat-alat mainan mini yang dipamerkan dalam bilik kaunseling kelihatan menarik perhatian klien. Klien kelihatan malu-malu apabila kaunselor bertanya. Adakah berminat terhadap mainan tersebut. Klien kelihatan tersipu-sipu dan hanya menggelengkan kepala. Perbincangan sesi ini lebih kepada pergaulan sosial yang dihadapinya iaitu dua orang murid lain membencinya (sekadar tanggapan klien berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan murid-murid tersebut). Sebelum menamatkan sesi kaunseling ini kaunselor mengingatkan klien tentang etika kaunseling dan memberikan kebenaran kepada klien bermain alat mainan mini tersebut pada perjumpaan yang seterusnya.

#### ***Sesi 2***

Dalam sesi kedua ini klien nampaknya datang awal. Oleh itu, klien mengambil kesempatan bermain dengan alat mainan mini yang ada di dalam bilik kaunseling sebelum kaunselor masuk. Kaunselor sempat memerhatikan keasyikannya bermain. Klien tidak menyedari kehadiran kaunselor dan sedikit terkejut apabila kaunselor menyapanya dan dengan pantas klien menepuk-nepuk tangan untuk membuang pasir yang melekat di tangannya.

Kehadiran kaunselor dengan senyuman dan tidak mempamerkan wajah marah nampaknya melegakannya. Dalam sesi ini, kaunselor memberikan kebebasan kepada klien untuk berbincang sambil bermain dengan alat mainan tersebut dan duduk di atas kerusi seperti sesi sebelumnya. Klien pada awalnya menolak untuk bermain tetapi setelah kaunselor meminta penjelasan terhadap susunan alat mainan di dalam dulang, klien terus duduk di situ dan bercerita kepada kaunselor. Oleh itu, kaunselor sendiri mengambil kesempatan itu duduk berhadapan dengan klien mendengar dengan teliti terhadap apa yang diceritakan oleh klien.

### **Sesi 3 (Penamatan)**

Pada sesi terakhir ini klien hadir dengan penuh semangat. Klien juga telah mengetahui bahawa sesi ini merupakan sesi yang terakhir. Setelah melalui dua sesi sebelumnya, klien kini telah celik akal dan mahu bergaul dengan rakan-rakannya. Klien memahami kesan negatif akibat idea tidak rasional iaitu rakan-rakan membencinya dan tidak mahu bergaul dengannya. Setelah menjalani sesi kaunseling dengan pendekatan terapi *sand play* klien lebih berfikir rasional dan bersikap positif di mana telah melakukan perubahan hendak bergaul dengan rakan-rakannya dengan lebih baik.

Dalam sesi terakhir ini, kaunselor lebih banyak mendengar luahan perasaan klien terhadap sesi-sesi yang telah dilaluinya dan sehingga sesi ketiga ini. Pada awal sesi, klien merasa takut sekiranya masalah yang diceritakan akan dihebohkan dan segan terhadap kaunselor yang baru dikenali. Namun, setelah melalui sesi kaunseling dengan menggunakan pendekatan terapi *sand play*, klien kelihatan semakin yakin dan berasa lega setelah membuat perkongsian dengan kaunselor. Setelah melalui tiga sesi kaunseling, klien sedar kekurangan dirinya ketika bergaul dengan rakan-rakannya dan berjanji akan mengubah sikapnya sedikit demi sedikit kepada yang lebih baik dan positif. Klien sedar bahawa sesi ini merupakan sesi yang terakhir. Justeru, sebelum meninggalkan bilik kaunseling, klien memberitahu bahawa dia sudi dan ingin mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang berterusan daripada kaunselor selepas ini apabila menghadapi masalah.

### **Perbincangan Dan Cadangan Pada Masa Hadapan**

Sekiranya masa mengizinkan, kaunselor bercadang memanjangkan sesi terapi ini kepada enam sesi. Dengan peruntukan masa yang lebih mencukupi, kaunselor dapat meneroka masalah klien dengan lebih mendalam dan menyeluruh sekaligus dapat merancang aktiviti-aktiviti sesi terapi *sand play* yang lebih sesuai dalam usaha menangani masalah klien. Klien mengharapkan bantuan kaunselor sebagai profesional yang mampu membantu dalam pemasalahan yang dihadapi. Sekiranya pada masa dahulu sesi kaunseling hanya digunakan komunikasi verbal namun kini sesi kaunseling boleh berlaku dalam pelbagai bentuk yang memudahkan interaksi antara klien dan kaunselor. Berdasarkan dapatan kajian kes kaunseling ini, pendekatan terapi *sand play* dapat memberikan kesan positif terhadap klien kanak-kanak dari segi emosi, pemikiran dan tingkah laku mereka. Diharapkan dengan memahami masalah klien secara menyeluruh dan teliti. Pendekatan terapi *sand play* juga dapat membantu klien mengatasi masalah, lantas menjalankan kehidupan dengan lebih baik dan positif.

### **Kesimpulan**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan terapi *sand play* memudahkan proses penerokaan terhadap klien. Kes ini melibatkan faktor keluarga seperti gaya asuhan, kasih sayang dan kawalan memberi kesan terhadap pembentukan identiti klien. Kecacatan dalam aspek kekeluargaan boleh menyumbang kepada ketidakupayaan klien menangani pergaulannya semasa berada di sekolah (Rowe 2007).

Pendekatan terapi *sand play* telah memudahkan kaunselor dalam mengenali diri klien dengan lebih mendalam lagi. Penggunaan *sand play* ini menyebabkan klien bercerita sambil bermain dan tanpa sedar klien telah menceritakan perkara yang telah dialaminya (Steinhardt 2000). Setelah masalah sebenar dikenal pasti, kaunselor seterusnya bersama-sama dengan klien berusaha untuk mencari alternatif dan memberikan latihan tegas diri dalam membantu klien untuk membuat keputusan.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan terapi *sand play* telah membantu menangani masalah pergaulan sosial klien dengan rakan-rakan sekolahnya. Walau bagaimanapun, terapi *sand play* ini hanya boleh dianggap sebagai salah satu cara untuk meneroka masalah klien dan menggalakkan klien untuk menceritakan semula apa yang telah

berlaku sahaja. Oleh itu, perkhidmatan kaunseling ini perlu diperkembangkan dengan pendekatan terapi *sand play* bagi membantu kanak-kanak yang memerlukan sokongan emosi yang berterusan dalam menghadapi cabaran.

### Rujukan

- Adams, K. 2008. The power of sand play. *Journal of Sandplay Therapy*, 13: 89-100.
- Amatruda, K. & Helm Simpson, P. 1997. *Sand Play, the Sacred Healing: A Guide to Symbolic Process*. Taos, NM: Trance Sand Dance Press.
- Bainum, C., Schneider, M. & Stone, M. 2006. An adlerian model for sand tray therapy. *Journal of Individual Psychology*, 62: 36-46.
- Boik, B. L. & Goodwin, E. A. 2010. *Sand Play Therapy: A Step-by-Step Manual for Psychotherapists of Diverse Orientations*. New York: Norton and Company.
- Bradton K. Ray, D & Rhine. 2010. *Sand Play: Silent Workshop of the Psyche*. New York: Routledge.
- Buran, G. 1995. Transference and countertransference in sand play therapy. *Journal of Sandplay Therapy*, 1: 25-43.
- Burn, M. 2013. Sand play and active imagination. *Journal of Sandplay Therapy*, 13: 9-12.
- Castellana, F. & Donfrancesco, A. 2005. Sand play in Jungian analysis: Matter and symbolic integration. *Journal of Analytical Psychology*, 50: 367-382.
- Carey, L. 2008. *Sandplay Therapy with Children and Families*. United States of America: Rowman & Littlefield.
- Campbell, M. A. 2004. The value of sandplay as a therapeutic tool for school guidance counsellors. *Australian Journal of Guidance and Counseling*, 14(2): 211-232.
- Chiam, S. L. 2010. Mengajar penerokaan kes kaunseling melalui sandplay therapy dalam kalangan bakal Guru Bimbingan Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 4: 59-84.
- Chor, S. 2010. *Healing and Transformation in Sand play: Creative Processes Become Visible*. New York: Saga Publication.
- Dale, M. & Lyddon, W. 2000. Sand play: A constructivist strategy for assessment and change. *Journal of Constructivist Psychology*, 13: 135.
- Dale, E. & Wagner, H. 2002. What can a Jungian analyst learn from sand play? *Journal of Sandplay Therapy*, 11, 29-41.
- Frau, D. Kalf. 1980. *Sand play: A Psychotherapeutic Approach to the Psyche*. Boston: Sigo Press.
- Fair View Counseling. 2007. *What is Play Therapy?* Download from <http://www.fairviewcounseling.org/playtherapy.htm> [2 March 2019]
- Forsyth, D. M. 2011. *The Structure and Organization of Conversations in Sand Play Therapy*. South Africa: University of Johannesburg.
- Gonzalez, S & Bell, T. 2016. The crucial moment in sand play relationship: The therapist's emotive experiences. *Journal of Sandplay Therapy*, 13: 131-146.
- Hsieh, H., & Shannon, S. E. 2005. Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277-1288.
- Jackson, B. 2010. Before reaching for the symbols dictionary. *Journal of Sandplay Therapy*, 1, 55-60.
- Landreth, G.L. 2012. *Play Therapy: The Art of the Relationship*: Routledge.
- Lynos, R. 2006. Relationship and process in sand play: A self psychology perspective. *Journal of Sandplay Therapy*, 2, 39-51.
- Meriam S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. Revised and

- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publisher.
- Mitchell, R. R. & Friedman, H. S. 1994. *Sand play: Past, Present and Future*. New York: Routledge.
- O'Connor, K.J., & Ammen, S. 2013. *Play therapy: Treatment Planning and Interventions*. United States of America: Elsevier.
- Perihal Mahal. 2009. *Pendekatan Sand play dalam Menangani Masalah Pergaulan Sosial: Satu Kajian Kes*. Kuching, Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Preson-Dillon, D. 1999. *Culturally Enhanced Interpretations of Jungian Sand Scenes for Multicultural Participants: Native American and Native Hawaiian Perspective*. San Francisco: Saybrook Graduate School. Unpublished Dissertation.
- Rowe, N. M. 2007. Sand, water, silence-the embodiment of spirit: Explorations in body and psyche. *Journal of Transpersonal Psychology*, 39: 105-106.
- Reece, S. T. 2004. The crucial moment in sand play relationship: The therapist's emotive experiences. *Journal of Sandplay Therapy*, 13, 131- 146.
- Rye, N. 2010. *Child-Centred Play Therapy*. New York: Center for International Rehabilitation Research Information and Exchange (CIRRIE).
- Signal, K. A. 1999. Silence and sand play. *Journal of Sandplay Therapy*, 5: 69-87.
- Steinhardt, L. 2000. *Foundation and form in Jungian Sandplay*. Philadelphia, PA: Jessica Kingsley Publishers.
- Turner, B. A. 2005. *The Handbook of Sandplay Therapy*. Cloverdale, CA US: Temenos Press.
- Thompson. 2004. Play therapy: Practice, issues, and trends. *American Journal of Play*, 3(2): 210-228.
- Yin, D. 2011. *Methodology Research in Qualitative*. New York: Sage Publisher.
- Wang Flahive, M. & Ray, D. 2007. Effect of group sand tray therapy with preadolescents. *Journal for Specialists in Group Work*, 32: 362-382.
- Wolfe, D. 2007. Developmental considerations: Sand play process as a bridge between object relations psychotherapy and the transpersonal. *Journal of Sandplay Therapy*, 6: 105-121.
- Zhou, D. M. 2009. A review of sandplay therapy. *International Journal of Psychological Studies*, 1(2): 69-72.